



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

SIARAN MEDIA

MAJLIS PERJUMPAAN PEGAWAI – PEGAWAI KERAJAAN BERSAMA-SAMA YAB PERDANA MENTERI SESI 2 TAHUN 2019

PUTRAJAYA: Program interaksi Perjumpaan Pegawai - Pegawai Kerajaan bersama-sama YAB Perdana Menteri Sesi 2 Tahun 2019 diteruskan untuk memberi peluang kepada Pegawai-Pegawai Kerajaan berkomunikasi secara terus dan mendengar aspirasi YAB Perdana Menteri berkaitan hala tuju Perkhidmatan Awam dalam Malaysia Baharu dan memastikan perjalanan jentera Kerajaan berada pada landasan yang sebenar berlandaskan prinsip *Good Governance* serta *Rule Of Law*.

Perkhidmatan Awam yang cemerlang merupakan tonggak utama dalam pembentukan sebuah negara yang berdaya saing dan maju. Bertemakan *Perkhidmatan Awam Malaysia: Peneraju Pembaharuan, Penggerak Perubahan Negara*, program ini bertujuan untuk:-

- i) menjelaskan halatuju dan matlamat Kerajaan dalam penyampaian perkhidmatan awam yang berteraskan nilai, kualiti, amanah dan bebas rasuah;
- ii) memahami dan menghayati kehendak *stakeholders* agar dapat memberikan perkhidmatan yang profesional, terbaik dan berkesan kepada rakyat;
- iii) memupuk semangat patriotisme, taat setia dan berkecuali (*loyal and neutral*) dalam memainkan peranan sebagai pengantara Kerajaan dan rakyat; dan

- iv) membentuk sikap bertanggungjawab sebagai bakal pemimpin yang mempunyai *political acumen* iaitu objektif, berani, tepat dan cepat bertindak dalam membuat keputusan.

Seramai 1,500 Pegawai - Pegawai Kerajaan yang terdiri daripada Gred 41 hingga Gred 48 telah hadir di program ini yang diadakan di Dewan Sri Siantan, Perbadanan Putrajaya. Pada majlis tersebut juga turut diserahkan Laporan Majlis Perjumpaan Pegawai-Pegawai Kerajaan Bersama-Sama YAB Perdana Menteri Sesi 1 Tahun 2019 yang telah diadakan pada 30 April yang lalu bersama Pegawai Kerajaan Gred 52 hingga JUSA/ KHAS C.

#####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 22 Ogos 2019
Tel : 03 - 8885 3096/ 3146/ 3088
Emel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Ruj. : JPA.100-9/1/2 (51)